

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 29 JUN 2009, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 31

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-022-L18409
Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan peranan TEKUN, MARA, Bank Rakyat, Bank Pembangunan dalam usaha merealisasikan agenda Dasar Ekonomi Baru (DEB) termasuk mewujudkan 150, 000 usahawan Bumiputera dalam tempoh 5 tahun akan datang.
2. PR-022-L19516
Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kementerian telah mewujudkan pangkalan maklumat OKU (Orang Kurang Upaya) yang lengkap dan jika ada bilakah maklumat-maklumat ini boleh didapati secara online oleh Ahli Parlimen.
3. PR-022-L19108
Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sejauh manakah Program Latihan Khidmat Negara berupaya membantu meningkatkan perpaduan di kalangan rakyat.
4. PR-022-L19185
Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [Klang] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan langkah-langkah dan insentif yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mencapai 'energy efficiency' dalam bidang pengangkutan, penggunaan alat-alat elektrik dan tabiat penjimatan elektrik. Bilakah dasar tenaga kebangsaan (national energy policy) yang telah lama diperbincangkan akan dibentangkan.

5. PR-022-L19992
Datuk Hajjah Norah binti Abd Rahman [Tanjung Manis] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan ;-
 - (a) bilakah Kementerian akan membenarkan penggunaan kereta automatik bagi ujian memandu kereta sepertimana yang dilaksanakan oleh kebanyakan negara membangun; dan
 - (b) jika tidak, apakah sebab-sebabnya.
6. PR-022-L19747
Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada terdapat cadangan dari Kerajaan untuk meminta perakuan Majlis Fatwa Kebangsaan terlebih dahulu sebelum membuat sebarang keputusan atau dasar yang melibatkan kepentingan orang Islam.
7. PR-022-L18431
Dato' Seri Tengku Azlan Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar [Jerantut] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perlu kita merombak balik peranan GLC ini, ada di kalangannya yang rugi dan membebankan wang ringgit Kerajaan. Ada di antara CEO daripada GLC ini tidak langsung mengendahkan surat-surat daripada Menteri-menteri kita.
8. PR-022-L20136
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan projek perumahan bermasalah di seluruh negara amnya dan di Kepong khususnya seperti Happy Court di Taman Kepong. Apakah punca permasalahan dan cara-cara penyelesaiannya.
9. PR-022-L19131
Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bagaimana tahap pencapaian institusi pembantu rumah bagi mengatasi penggantungan terhadap pembantu rumah warga asing sekali gus mengurangkan masalah kemasukan warga asing ke Malaysia.
10. PR-022-L18897
Tuan Gobalakrishan a/l Nagapan [Padang Serai] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menstrukturkan semula bayaran pencen ilat seumur hidup untuk golongan yang telah diberhentikan kerja atas masalah kesihatan (medical boarded out).

11. PR-022-L19987
Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status bagi rancangan pembinaan Hospital Rembau, Negeri Sembilan memandangkan upacara pecah tanah projek telah lama dibuat dan bagi mengurangi beban rakyat yang terpaksa pergi ke Hospital Tampin untuk mendapat rawatan.
12. PR-022-L18650
Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang agar potongan KWSP diwajibkan terhadap pekerja asing seperti mana yang telah diwajibkan terhadap pekerja tempatan.
13. PR-022-L19695
Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah Kerajaan dalam merealisasikan Gagasan FELDA Moden yang berteraskan perubahan minda serta pembangunan sosiobudaya ke arah menjadikan peneroka dan komuniti FELDA sebagai masyarakat contoh sehingga mereka boleh tergolong sebagai golongan menengah dalam negara ini.
14. PR-022-L20097
Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan anggaran terkini bagi pendapatan Kerajaan dari sektor petroleum dan gas untuk tahun 2009 dan 2010, setelah mengambil kira harga pasaran yang jauh lebih rendah daripada apa yang dijangkakan.
15. PR-022-L20187
Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah tujuan Kerajaan menghadkan jumlah mata pelajaran yang boleh diambil dalam peperiksaan SPM kepada 9 subjek sahaja.
16. PR-022-L19099
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perbezaan antara 'warrants' dan 'call warrants', memberikan senarai institusi yang telah dibenarkan untuk mengeluarkan 'call warrants', jumlah yang dilucut hak daripada pembeli-pembeli mengikut setiap institusi dan mengapa transaksi sedemikian yang merupakan pertaruhan dan bukan pelaburan dibenarkan.

17. PR-022-L19466
Dato' Shahrir Bin Ab. Samad [Johor Bahru] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan usaha-usaha Kementerian untuk melaksanakan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM atau MySL) di dalam sistem pendidikan negara bersesuaian dengan kedudukan BIM sebagai bahasa isyarat rasmi seperti di peruntukan di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008.
18. PR-022-L19186
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan alasan mengapakah tidak ada sebarang rundingan dengan pihak awam diadakan berkaitan dengan projek menaiktarafkan lebuh raya dan LRT di Kelana Jaya. Sekiranya ada, nyatakan tarikh dan tempat ianya diadakan.
19. PR-022-L19570
Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah jumlah kanak-kanak dan remaja berusia bawah 18 tahun Orang Kurang Upaya di setiap negeri di Malaysia dan adakah golongan ini mendapat pendidikan asas seperti membaca.
20. PR-022-L19591
Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tindakan dan langkah-langkah Kementerian untuk meningkatkan mutu perkhidmatan dan prestasi kerja kakitangan di hospital-hospital Kerajaan yang tercemar kerana dakwaan seorang Timbalan Menteri terhadap beberapa orang kakitangan Hospital Kuala Lumpur baru-baru ini.
21. PR-022-L18494
Tuan Abd. Rahman bin Bakri [Sabak Bernam] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah kriteria yang membolehkan peruntukan khas untuk Persatuan Ibu bapa boleh berpindah ke akaun sekolah.
22. PR-022-L18439
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimanakah pinjaman bagi usahawan kecil atau SME diagihkan dan adakah pinjaman ini diagihkan melalui bank-bank dan organisasi-organisasi yang dimonopoli oleh Parti Politik tertentu di mana kebanyakan pemohon kaum India menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pinjaman-pinjaman ini.

23. PR-022-L18490
Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kementerian sedar bahawa banyak rumah panjang di pedalaman Sarawak belum dapat dihubungkan oleh jalan yang baik (kecuali jalan balak).
- (a) apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang Kementerian untuk mengatasi masalah ini; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk membina jalan dari Bakun Highway ke bandar kecil Belaga.
24. PR-022-L18792
Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk menggubal dan mewujudkan undang-undang atau peraturan di mana seseorang rakyat boleh dilucut kerakyatannya jika mereka mengungkit perkara-perkara asas Perlembagaan Negara di bawah Fasal 153 dan 152 serta mana-mana pihak yang mencemar nama baik Malaysia seperti memorandum yang dibuat oleh Hindraf kepada Kerajaan British di mana tidak ada sebab mengapa mereka tidak boleh dilucut kerakyatan Malaysia. Penghinaan yang mereka buat tidak berasas, amat memalukan dan manusia seumpama ini tidak layak menjadi rakyat Malaysia.
25. PR-022-L19721
Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan skim atau bantuan penuh yang disediakan untuk membantu rakyat menanam secara besar-besaran dan komersial pokok gaharu, termasuk membekalkan benih berkualiti, memandangkan ia amat berpotensi sebagai sumber ekonomi baru berikutan harganya yang tinggi di pasaran antarabangsa.
26. PR-022-L19484
Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh manakah kejayaan Pusat Penyelidikan Ikan Marin membangunkan kaedah ternakan ikan laut telah dikomersialkan dan setakat ini berapa ramai nelayan yang telah mengubah cara hidup mereka daripada keluar menangkap ikan di laut kepada menjadi penternak ikan laut di daratan.
27. PR-022-L18960
Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penerimaan masyarakat awam di negara ini dalam merealisasikan konsep 1 Malaysia serta liberalisasi ekonomi yang diperkenalkan oleh Kerajaan.

28. PR-022-L18882
Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bahawa Syarikat Perumahan Negara (SPN) telah dapat membantu menyelesaikan masalah perumahan rakyat yang memerlukan perumahan.
- (a) berapakah jumlah permohonan dan berapakah jumlah kelulusan permohonan mengikut pecahan negeri dan Parlimen Tenggara; dan
- (b) adakah SPN dapat membantu generasi kedua FELDA yang telah mendapat hak milik tanah tetapi tidak mampu membina rumah menikmati kemudahan yang sama.
29. PR-022-L18471
Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Jabatan Perkhidmatan Awam bercadang menubuhkan satu portal pekerjaan seperti Jobs Malaysia yang diuruskan oleh Kementerian Sumber Manusia "match" peluang pekerjaan di sektor awam dengan pencari kerja.
30. PR-022-L19459
Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan penjelasan berhubung status pelarian-pelarian yang diiktiraf Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHCR) yang memegang IM13 yang kini membanjiri Labuan dan juga Sabah. Adakah mereka ini akan diberi status pemastautin (to be legalised) untuk terus menduduki negara ini atau mereka ini akan kekal dengan status pelarian.
31. PR-022-L19836
Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah Kerajaan boleh membina pelabuhan nelayan serba moden dengan kemudahan limbungan membaiki kapal laut dalam, penyejuk bekuan (cold storage) dan pengeksportan di Kuala Abai, Kota Belud untuk bersaing dengan limbungan-limbungan membaiki kapal seperti di negara Thailand, Indonesia dan Filipina, kalau tidak boleh kenapa.
32. PR-022-L18895
Tuan Manikavasagam A/L Sundaram [Kapar] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan untuk membongkar misteri Kota Purba Linggi yang dikatakan wujud oleh para arkeologi Malaysia.

33. PR-022-L19275
Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan menubuhkan Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat kes dakwaan rasuah dan seterusnya lompat parti yang melibatkan dua bekas Exco Kerajaan negeri Perak, iaitu ADUN Behrang dan ADUN Changkat Jering.
34. PR-022-L19007
Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah berkesan yang perlu di ambil oleh Kerajaan dalam menangani kegiatan mat rempit dan jenayah ragut yang begitu berleluasa pada masa ini.
35. PR-022-L18537
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) berapakah jenis bon yang akan dijual oleh Kerajaan bagi tahun 2009 dan 2010; dan
 - (b) berapakah jumlah keseluruhan dalam nilai Ringgit Malaysia bon-bon tersebut dan berapakah pula purata faedah dan pulangan yang dijanjikan kepada pembeli-pembeli bon tersebut.
36. PR-022-L19722
Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan langkah Kerajaan untuk membantu pengusaha filem tempatan untuk memasarkan produk mereka ke luar negara.
37. PR-022-L18607
Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-
- (a) sama ada Menteri memberi arahan kepada Pegawai Pejabat Setiausaha Tinggi Kementerian Pengajian Tinggi menggunakan surat rasmi Kerajaan untuk menempah bilik Hotel Mandarin Court Kuala Lumpur bagi tujuan Perhimpunan Agong UMNO, pada 24 hingga 26 Mac 2009; dan
 - (b) sama ada wang Kementerian pernah dikreditkan ke dalam akaun hotel untuk tujuan tersebut.

38. PR-022-L19250
Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah langkah-langkah penyelesaian kesesakan lalu lintas di sepanjang Jalan Segambut dari Mont' Kiara dan Kepong sebelum ketibaan Rancangan Malaysia Ke-10 pada tahun 2011.
39. PR-022-L19592
Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tentang kadar faedah pinjaman yang diiklankan oleh institusi perbankan yang tidak mengguna-pakai 'effective rates' yang lebih tepat bagi menunjukkan kos pinjaman sebenar, tetapi sebaliknya bank-bank mengiklankan kadar faedah seperti 'flat-rate' yang pada hakikatnya adalah lebih tinggi kos pinjamannya. Adakah perlu Akta Gadai-Janji ini juga dikemas kini atau dipinda semula bagi melindungi pihak pengguna.
40. PR-022-L19313
Dato' Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan rakyat Pulau Pinang dan khususnya penduduk Bayan Baru yang sudah mendapat manfaat daripada Program Cari-cari.
41. PR-022-L19849
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah tuntutan penuh perbelanjaan Ahli-Ahli Parlimen bagi 2008 termasuk anggota-anggota pentadbir dan nyatakan senarai 10 Ahli Parlimen yang membuat tuntutan tertinggi dan sila perincikan setiap tuntutan mereka.
42. PR-022-L20139
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah dibelanjakan untuk membasmi kemiskinan tegar setiap tahun sejak 2000 dan adakah ini termasuk 22 buah keluarga miskin yang diberikan RM1.1 juta di Pulau Pinang seperti yang disebut Datuk Zainal Abidin Osman.
43. PR-022-L20059
Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk memastikan pelajar-pelajar di luar bandar mendapat pendidikan sama kualiti dengan di bandar.

44. PR-022-L18544
Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan mengenai pencen pesara tentera yang diselaraskan selepas bajet 2009 lalu, serta berapakah kadar yang diperoleh pegawai yang berkhidmat melebihi 25 tahun dan lain-lain pangkat yang berkhidmat melebihi 21 tahun, dan mengapakah masih terdapat isu sebilangan pesara tentera yang tidak mendapat manfaat ini.
45. PR-022-L19780
Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah strategi-strategi baru yang akan digunakan oleh Malaysia dan ASEAN untuk memastikan Myanmar mematuhi Piagam ASEAN, khususnya tentang pembebasan Aung Suu Kyi dan lebih 2,000 tahanan politik.
46. PR-022-L19332
Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan butiran mengenai hasil pengeluaran gas melalui usaha sama Malaysia-Thailand di perairan Laut China Selatan dan nilai pembahagian hasilnya kepada kedua-dua negara bagi setiap tahun sejak usaha sama tersebut dijalankan serta nyatakan anggaran rizab gas serta tempoh hayat penghasilannya.
47. PR-022-L19651
Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pensijilan Halal yang dikeluarkan oleh Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) kepada syarikat antarabangsa sejajar dengan peranan Malaysia sebagai pusat hub halal serantau.
48. PR-022-L19170
Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) adakah Semenanjung Malaysia mengalami isu 'property overhang' dalam pasaran perumahan terutamanya di sekitar Lembah Klang dan berapakah jumlah nilai yang terlibat dari tahun 2005-2008; dan
 - (b) mengapa Kerajaan masih meluluskan projek perumahan sedangkan masalah 'property overhang' masih tidak diselesaikan dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

49. PR-022-L18659
Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan :-
- (a) langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian untuk mengatasi AP palsu yang masih wujud di kalangan penjual kereta terpakai; dan
 - (b) jumlah AP yang diluluskan oleh pihak Kementerian pada tahun 2008 dan 2009
50. PR-022-L19851
Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan berniat mengadakan "anti-hopping law" agar mencegah para wakil rakyat yang dipilih dalam pilihan raya melompat parti dari satu parti politik ke parti politik yang lain.
51. PR-022-L19029
Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
- (a) berapa ramai ibu tunggal di Ampang; dan
 - (b) adakah Kementerian telah dan akan membantu golongan ini.
52. PR-022-L18579
Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan tentang Jambatan Dusun Pengapit, Jeneri Sik yang telah 3 setengah tahun runtuh. Jambatan ini sangat berguna kepada petani miskin yang berulang alik ke tempat kerja dan membawa hasil pertanian mereka ke bandar. Di bawah dasar 1 Malaysia, rakyat diutamakan, bolehkah Kerajaan membina segera jambatan ini yang kosnya tidak pun melebihi RM 300,000.00.
53. PR-022-L19321
Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah strategi Kerajaan dalam menjelaskan Konsep 1MALAYSIA. Bagaimana usaha menanam konsep ini di kalangan generasi muda dan bagaimana mengelakkan ianya dari diputar belit oleh pihak yang tidak bertanggungjawab terutama mempersoalkan apa yang telah terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan .

54. PR-022-L19913
Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan perincian mengenai pengambilalihan aset yang telah berjaya dilaksanakan terhadap Syarikat Air Johor (SAJ), Melaka dan Negeri Sembilan dari aspek penilaian aset air dan terma utama bagi:-
- (a) pengambilalihan aset air; dan
 - (b) kontrak operasi air yang bakal dilaksanakan oleh Syarikat Air Johor (SAJ), Melaka dan Negeri Sembilan.
55. PR-022-L18438
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah masyarakat India tidak diberi peluang yang adil dalam menjawat jawatan tertinggi seperti pengurus dalam syarikat milik kerajaan (GLCs).
56. PR-022-L19023
Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan peratusan perbandingan di antara rancangan TV yang berunsur pendidikan dan hiburan yang disiarkan oleh RTM dari aspek menyumbang ke arah melahirkan rakyat yang berminda kelas pertama.
57. PR-022-L19600
Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) jumlah pampasan yang akan dibayar kepada RapidKL dalam pembatalan kontrak yang diberikan terdahulu oleh Kerajaan; dan
 - (b) perincian kos penyelenggaraan dan keuntungan (atau kerugian) yang dialami syarikat tersebut sepanjang tempoh operasi.
58. PR-022-L19410
Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan pekerja asing yang telah dibawa masuk ke Malaysia dalam tahun 2009 mengikut bulan, negara asal, dan sektor pekerjaan.

59. PR-022-L18519
Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan pun keracunan makanan di Kem-kem Program Latihan Khidmat Negara dan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan kesihatan pelatih terjamin dan persekitaran kem sentiasa bebas daripada jangkitan penyakit.
60. PR-022-L18802
Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [Pendang] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan berapakah jumlah perbelanjaan untuk RTM menyiarkan ucapan secara langsung kempen PRK Bukit Gantang dan Bukit Selambau oleh bekas PM, Tun Dr.Mahathir.
61. PR-022-L18841
Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana tahap penyelarasan dan tindakan terhadap pertikaian agama anak-anak apabila ibu atau bapa memeluk agama lain di antara Jabatan Agama Negeri dengan Kerajaan Pusat.
62. PR-022-L19963
Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keberkesanan pengagihan dan pelaksanaan Pakej Rangsangan RM60 bilion dalam membantu memulihkan dan menstabilkan ekonomi negara dan rakyat.
63. PR-022-L18859
Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan :-
- (a) apakah kawalan Kerajaan terhadap ASTRO mengenai caj-
caj yang dikenakan terhadap pengguna; dan
 - (b) mengapa Kerajaan membenarkan ASTRO caj pengguna
mengikut pilihan pakej dan bukan mengikut pilihan saluran
(channel) sahaja.
64. PR-022-L18673
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kelahiran oleh rakyat Malaysia di Sabah pada setiap tahun atau 5 tahun sejak 30 tahun lalu (1970-2000) dan peratusan kelahiran ini mengikut bilangan penduduk Sabah sehingga tahun 2000.

65. PR-022-L18557
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) adakah Kerajaan juga akan menerapkan nilai-nilai "Bangsa sebagai Satu Rakyat Malaysia" ; dan
 - (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan agar satu bangsa Malaysia dihasilkan tanpa dipisahkan oleh suku kaum.
66. PR-022-L19805
Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada mempunyai rancangan untuk menyediakan pusat jagaan kanak-kanak ataupun rebat kos jagaan kanak-kanak bagi membolehkan wanita keluar mencari nafkah sebagai salah satu langkah menangani kemiskinan dan mengurangkan masalah sosial kanak-kanak dan remaja.
67. PR-022-L20045
Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perkembangan pembinaan jalan keluar dari Serdang Perdana ke Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban.
68. PR-022-L19248
Datuk Tiong Thai King [Lanang] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berikutan tindakan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan membelanjakan berjuta-juta Ringgit untuk menguruskan sisa-sisa pepejal setiap tahun, adakah Kerajaan merancang untuk mewajibkan pengasingan sampah-sarap di sumber pembuangan supaya rakyat diwajibkan untuk mengasingkan bahan-bahan yang boleh di kitar semula seperti kertas, aluminium dan botol.
69. PR-022-L18479
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah peruntukan yang telah pihak Kementerian salurkan kepada negeri Sarawak semenjak 1999-2009 dalam urusan Pembekalan Elektrik Luar Bandar (RES/Air Bersih) melalui Kementerian kemudahan Awam Sarawak; dan
 - (b) berapa buah kampung dan rumah panjang di bahagian Bintulu yang telah mendapat kemudahan ini dan berapakah yang memperoleh kemudahan dari tahun 2004 hingga 2009.

70. PR-022-L19474
Dato' Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah prosedur yang diguna pakai oleh pihak Kementerian dalam pelaksanaan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dari segi pemberian hak milik tanah. Sejauh manakah pemantauan pihak Kementerian untuk memastikan matlamat asal program tersebut mencapai kejayaan.
71. PR-022-L18440
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah Jabatan Pendaftaran Negara menjadi birokrasi yang sangat infleksi, tidak sensitif dan tidak menghormati rakyat di mana Jabatan ini mengambil masa sehingga bertahun-tahun lamanya untuk memproses permohonan kewarganegaraan bagi mereka yang lahir di Malaysia.
72. PR-022-L19051
Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah pembiayaan yang telah diberikan oleh Kementerian melalui Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) kepada Bumiputera luar bandar.
73. PR-022-L19530
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah bentuk dan jumlah bantuan atau peruntukan kewangan dari Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri.
74. PR-022-L19833
Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana Yayasan Pelaburan Hartanah Bumiputera berperanan meningkat pemilikan hartanah Bumiputera dan apakah perbezaan peranan Uda Holding Bhd.
75. PR-022-L19365
Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan walaupun para pengguna terpaksa membayar kadar tinggi untuk perkhidmatan "broadband", mereka belum lagi menikmati laluan 8 megabyte seperti di Singapura dan apakah langkah kawalan pihak Kementerian untuk mencegah eksploitasi pembekal perkhidmatan ke atas para pengguna.

76. PR-022-L19221
Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah tangkapan ragut dan berapa peratus yang terlibat. Adakah Kementerian juga bercadang untuk mengenakan hukuman yang lebih berat sebagai salah satu cara membasmi gejala ini.
77. PR-022-L19128
Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :-
- (a) berapa Kampung Orang Asli yang masih belum dibekalkan dengan paip air di Jempol; dan
 - (b) nyatakan peranan Kementerian bagi mengatasi masalah ini.
78. PR-022-L19155
Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan berapakah jumlah web-based radio dan internert-based television (IPTV) yang beroperasi di negara ini dan apakah bentuk garis panduan yang diberikan kepada mereka mengenai perisian program dan iklannya.
79. PR-022-L19639
Datuk Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kes kesalahan undang-undang jalan raya yang dilakukan oleh kenderaan berat dan langkah-langkah mengatasinya.
80. PR-022-L18699
Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tentang insiden kekecohan di Sidang DUN Perak pada 7 Mei di dalam dan di luar dewan, apakah Kementerian bertanggungjawab untuk campur tangan untuk kepentingan BN di Perak.
81. PR-022-L18594
Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk menganugerahkan tokoh negarawan yang membawa gelaran TUN kepada Almarhum Dato' Onn bin Jaafar terhadap jasa dan sumbangannya kepada negara.

82. PR-022-L19976
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan mengenai kajian online di laman web KEMENTAH pada 13 Januari 2009 yang menunjukkan bahawa 50.7 peratus responden tidak yakin Malaysia berupaya menangani ancaman luar. Sekiranya Kerajaan mengeluarkan kertas putih pertahanan, adakah ianya mampu meningkatkan kefahaman dan mengembalikan keyakinan rakyat.
83. PR-022-L18456
Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) berapakah dan bagaimanakah denda telah dikutip oleh Polis Trafik dan JPJ untuk kesalahan-kesalahan trafik bagi tahun 2005 hingga 2009 di negeri-negeri di Malaysia; dan
 - (b) jumlah kutipan itu telah digunakan untuk tujuan apa.
84. PR-022-L19222
Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah benar Lesen Import (AP) terbuka boleh didagangkan dengan harga hingga RM45,000. Jika benar Kerajaan harus mengutip hasil daripada syarikat-syarikat penerima AP terbuka dengan alasan bahawa ini adalah satu keuntungan atau pun penanaman modal dalam syarikat penerima AP berkenaan.
85. PR-022-L19444
Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian mempunyai cadangan untuk mewujudkan peraturan bagi melarang anak-anak remaja di bawah umur 17 tahun dari keluar rumah selepas jam 12 malam sebagai langkah mengurangkan masalah jenayah remaja seperti mat rempit, lepak, dadah, bohsia, samun dan rogol yang dilaporkan kian meningkat kini.
86. PR-022-L18981
Tuan Raime Bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan berapakah kos yang dibelanjakan oleh pihak Kerajaan untuk memperbaiki sistem perkhidmatan Pos Malaysia dalam setahun.

87. PR-022-L18735
Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing @ Wilfred [Tuaran] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa Kementerian Pelajaran telah pun meluluskan pewujudan satu sekolah tadika Ria Kadazan dusun dan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk membantu sekolah ini seperti bantuan yang disalurkan kepada Sekolah Tamil dan Sekolah Cina.
88. PR-022-L19589
Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sebab-sebab Kerajaan tidak mengambil tindakan termasuk mengatur pembukaan sekolah tambahan atau baru, untuk memastikan pelajar di sekolah SJK (C) Desa Jaya, Kepong, Selangor, di mana jumlah pelajarnya yang tidak sampai ke 4976 dan 40 murid se kelas seperti sekarang.
89. PR-022-L18630
Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah segera Kerajaan untuk membendung wabak-wabak penyakit yang baru seperti Selesema Babi daripada menular dan perancangan di masa depan sekiranya berulangunya suasana seperti itu.
90. PR-022-L19394
Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan :-
- (a) syarat-syarat dan garis panduan untuk kerja pemulihan dan pemugaraan tapak dan bangunan di Bandaraya Warisan Dunia Melaka dan Georgetown; dan
 - (b) adakah syarat-syarat dan garis panduan ini telah diluluskan oleh UNESCO dan bagaimanakah dengan pengawalan dan penguatkuasaannya.
91. PR-022-L18521
Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk menghadapi jerebu ekoran cuaca panas yang diramal berlaku dari Jun hingga September supaya ekonomi negara dan kehidupan rakyat khususnya rakyat kawasan luar bandar yang tiada bekalan air tidak terjejas.

92. PR-022-L19850
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Parlimen Malaysia akan direformasi dengan tujuan untuk menambahkan kapasiti di kedua-dua Dewan Parlimen supaya ia dapat berperanan lebih berkesan sebagai pelaksana sistem demokrasi kita secara lebih dihormati.
93. PR-022-L20041
Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan penggunaan sistem biometrik untuk membanteras penipuan seperti "pengundi hantu" dalam sesuatu pilihan raya.
94. PR-022-L19531
Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan kawasan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) yang telah dan sedang dalam pembinaan di Parlimen Kuantan. Berapakah jumlah baki kekosongan rumah PPRT yang masih boleh dipohon oleh penduduk Kuantan. Nyatakan tempoh maksimum untuk maklum balas bagi sesuatu permohonan.
95. PR-022-L18902
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian bagi membawa balik 2 rakyat Malaysia iaitu Mohd Farik Amin atau Zaid (Zubair) dan Mohamed Nazir Lep atau Bashir Lep (Lilie) yang kini ditahan di Pusat Tahanan Tentera Guantanamo (USA) untuk dibicarakan di Malaysia.
96. PR-022-L19887
Tuan Chua Tee Yong [Labis] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang digunakan oleh Kementerian untuk mengukur prestasi perkhidmatan pasukan Polis Diraja Malaysia.
97. PR-022-L18970
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan skim gaji dan insentif-insentif bagi Pegawai Penjara.

98. PR-022-L18686
Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan setakat mana pemantauan dan penguatkuasaan terhadap harga-harga barang runcit terutama di pasar raya besar mengekalkan harga patut kepada pengguna, apatah lagi tahap ekonomi global masih belum pulih sepenuhnya.
99. PR-022-L19687
Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapakah kebanyakan rakyat dari Semenanjung yang telah tinggal di Sabah lebih 30 tahun masih tidak di beri "permanent resident" status dan di kehendaki memperbaharui pas kerja dan permit tinggal tiap-tiap tahun.
100. PR-022-L18832
Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah tindakan Kerajaan dalam memperkemaskan agensi-agensi pembangunan di bawah Kementerian ini agar tidak berlaku pertindihan peranan dan tanggungjawab di antara agensi.
101. PR-022-L18416
Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status siasatan terhadap dua orang yang turut dinamakan, iaitu pegawai penyiasat Dato' Mat Zain Ibrahim dan Dr. Abd. Rahman Yusof dalam aduan polis Ketua Pembangkang (laporan polis 22807/08 1 Julai 2008) mengenai mereka keterangan palsu - kes mata lebam 1998.
102. PR-022-L18842
Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan mengenai penyertaan kaum bukan Melayu dalam Angkatan Tentera sama ada Darat, Laut dan Udara dalam tempoh lima tahun lalu serta apakah usaha yang dibuat bagi menarik penyertaan mereka dan apakah halangan serta masalah yang dihadapi mengenai perkataan tersebut.
103. PR-022-L19337
Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Tambak Johor akan digantikan dengan sebuah jambatan baru dan jika ya, bila projek ini akan bermula.

104. PR-022-L19066
Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan dengan pengedaran baja yang dimonopoli dan harga baja yang tinggi serta keadaan ekonomi yang tidak menentu dan merudum, bagaimana Kerajaan bercadang untuk membangunkan ataupun menjayakan Program Palm Oil Industry Cluster (POIC).
105. PR-022-L19896
Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan Pusat berhasrat meneruskan pembinaan jambatan bengkok dengan Singapura, setelah dibatalkan oleh Kerajaan di bawah Perdana Menteri terdahulu.
106. PR-022-L19271
Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan di bawah Pakej Rangsangan I dan II (Bajet Mini) untuk negeri Sarawak lebih-lebih lagi untuk Kawasan Parlimen Serian. Bagi Kawasan Parlimen Serian sila nyatakan projek-projek tersebut. Juga sila nyatakan peratusan pencapaian perlaksanaannya setakat ini.
107. PR-022-L18638
Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan berhasrat menyediakan stesen NGV di seluruh negeri Sarawak. Nyatakan jumlah stesen NGV yang ada sekarang di seluruh negeri Sarawak. Nyatakan faktor-faktor utama pihak Kerajaan menaikkan harga minyak pada bulan September tahun ini.
108. PR-022-L20094
Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kenapa Kementerian mengarahkan Jabatan Imigresen menyenaraihitamkan ratusan ribu peminjam PTPTN.
109. PR-022-L19909
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan anggota polis dalam Unit Simpanan Persekutuan (FRU) dan Cawangan Khas di PDRM. Memandangkan negara kita bukan berada dalam keadaan huru-hara ataupun pemberontakan, kenapakah PDRM tidak menggunakan anggota di kedua-dua unit ini untuk menangani kenaikan kes jenayah.
110. PR-022-L19765
Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk mengiktiraf kelayakan "Unified Examination Certificate" (UEC) yang diduduki oleh pelajar-pelajar Sekolah Persendirian Cina. Sekiranya ada, bila dan sekiranya tidak, apakah rasionalnya.

111. PR-022-L19567
Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) bilakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan dan menguatkuasakan Fatwa yang dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa kali ke 19 bertarikh 06.10.1987 yang memfatwakan perbuatan bertafakur di hadapan Tugu Negara adalah syirik; dan
- (b) adakah Kerajaan sedar bahawa fatwa tersebut sudah lebih daripada 20 tahun dikeluarkan dan ribuan anggota polis/tentera terpaksa mengamalkan perbuatan syirik tersebut.
112. PR-022-L19789
Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan dalam mengukuhkan jalinan pemasaran buah-buahan tempatan di peringkat antarabangsa yang selama ini dilihat gagal dalam mencapai matlamat meningkatkan hasil pertanian negara.
113. PR-022-L20172
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah satu kajian menyeluruh terhadap keberkesanan dan keperluan Perlembagaan Malaysia dikaji semula memandangkan terdapatnya 'loophole' sesetengah undang-undang dan cabaran-cabaran baru sistem perundangan selepas 50 tahun negara mencapai kemerdekaan.
114. PR-022-L20062
Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan pandangan Kerajaan terhadap jemputan dari negara Rusia untuk mengadakan 'combined exercise' supaya meningkatkan lagi kerja sama pertahanan dua hala negara.
115. PR-022-L19391
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berikutan Kerajaan telah meliberalisasikan sektor perkhidmatan, apakah cadangan Kerajaan untuk memansuhkan sistem kuota dan membuka penyertaan setiap rakyat tanpa mengira kaum.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Kewangan**

- * Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2009.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | |
|-------------------|---|-------------------------------|
| 1. (D.R. 4/2009) | Rang Undang-undang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 – Menyambung semula perbincangan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” (25 Jun, 2009) | |
| | (Perdana Menteri) | |
| 2. (D.R. 8/2009) | Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia 2009 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | (Kementerian Kewangan) | |
| 3. (D.R. 11/2009) | Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) (Pindaan) 2009 | “ |
| | (Perdana Menteri) | |
| 4. (D.R. 10/2009) | Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (Pindaan) 2009 | “ |
| | (Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri) | |
| 5. (D.R. 30/2008) | Rang Undang-undang Jawatankuasa Etika Hakim 2008. | “ |
| | (Perdana Menteri) | |
| 6. (D.R. 29/2008) | Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) (Pindaan) 2008. | “ |
| | (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri , Koperasi dan Kepenggunaan) | |

7. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan subperenggan 8(3)(a)(iv), Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], mengambil ketetapan bersetuju supaya Kerajaan menukarkan pinjaman Kerajaan Persekutuan sebanyak RM757,459,247 kepada ekuiti Bank Pertanian Malaysia Berhad, suatu syarikat yang dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan)".

8. PR-022-U18570

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa sistem pendawaian luar terutama sekali bagi bekalan elektrik pada ketika ini. Adalah amat usang dan ada kalanya amat tidak teratur mengambil maklum bahawa sistem pendawaian yang ada pada ketika ini juga boleh mendatangkan bahaya kepada para pengguna terutama sekali bagi pendawaian yang merentasi jalan raya. Dan mengambil maklum bahawa sistem pendawaian yang sedia ada juga merupakan pencemaran pemandangan di mana kabel yang dipasang sering kali kelihatan tidak teratur, berjuntai dan usang. Maka dengan ini Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk membuat dasar atau pun polisi bahawa semua pendawaian luar bagi bekalan elektrik, terutama sekali di kawasan perumahan dibuat melalui sistem pendawaian bawah tanah."

[Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air]

9. PR-022-U18572

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa pemanasan dunia kini berada dalam keadaan yang kritikal dan salah satu daripada penyumbang kepada keadaan ini adalah penjanaan tenaga elektrik. Dan mengambil maklum bahawa bekalan bahan bakar bagi penjanaan kuasa elektrik juga semakin berkurangan.

Dan mengambil maklum bahawa keperluan bekalan elektrik di negara ini juga kian meningkat dan peningkatan ini sebahagian besar disebabkan oleh pembaziran tenaga elektrik, di mana lampu, kipas dan pendingin udara dipasang walaupun tidak diperlukan. Dan mengambil maklum bahawa isu ini adalah isu global tetapi dapat diselesaikan secara lokal di mana setiap orang mempunyai peranan untuk mengurangkan pembaziran tenaga elektrik dan sekali gus mengurangkan punca pencemaran dan pemanasan dunia. Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan menggubal satu dasar atau pun undang-undang bagi mendakwa dan menghukum mereka yang sengaja membazir tenaga elektrik. Ketetapan juga haruslah diambil untuk memastikan semua ketua Jabatan Kerajaan, Agensi Kerajaan dan

syarikat berkaitan kerajaan bertanggungjawab untuk mengurangkan pembaziran tenaga elektrik ini dan dimuatkan sebagai salah satu daripada kriteria indeks petunjuk prestasi mereka."

[Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air]

10. PR-022-U18573

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa kanak-kanak adalah permata negara. Dan mengambil maklum bahawa potensi permata negara haruslah digilap sejak awal-awal lagi, seawal peringkat prasekolah mengambil maklum bahawa seawal peringkat pra-sekolahlah permata negara ini harus ditanamkan dan dibudayakan dengan unsur-unsur dan prinsip rukun negara dan konsep 1 Malaysia. Dan mengambil maklum juga bahawa sebagai taman bimbingan pra-sekolah yang terbesar di seluruh negara, Tabika Kemas boleh memainkan peranan ini. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta pihak Tabika Kemas untuk memainkan peranan ini dengan lebih aktif lagi demi untuk melahirkan modal insan negara yang berkualiti, berilmu, sopan dan patriotik."

[Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah]

11. PR-022-U20149

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan strategi yang terpenting untuk melengkapkan negara ini terus menghadapi kemerosotan ekonomi dunia serta membolehkan negara ini mengambil kesempatan yang baik apabila ekonomi global mula pulih."

[Kementerian Kewangan]

12. PR-022-U20151

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendebatkan kaedah yang paling berkesan untuk mengatasi cabaran mungkin berlakunya pandemik selesema A H1N1 yang sedang melanda dunia. Dewan ini juga membincangkan jangkitan penyakit yang lain seperti meningitis, denggi dan leptospirosis."

[Kementerian Kesihatan]

13. PR-022-U19935

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung sidang Dewan Rakyat melalui televisyen supaya rakyat boleh menonton ucapan para ahli berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang."

[Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan]

14. PR-022-U19942

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan pilihan raya Kerajaan tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan tempatan di Negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak kepada rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan ahli Majlis Kerajaan Tempatan."

[Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

15. PR-022-U19947

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan untuk melaksanakan kempen kitar semula dan kempen pengurangan penggunaan plastik dengan lebih gigih demi memelihara kebersihan alam sekitar."

[Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

16. PR-022-U19953

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."

[Perdana Menteri]

17. PR-022-U19956

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja penambahbaikan perjalanan dan pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)"

[Kementerian Dalam Negeri]

18. PR-022-U18678

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan dan menetapkan dengan seriusnya mengenai keraguan rakyat Malaysia di Sabah terhadap kedudukan kerakyatan orang-orang asing tanpa proses yang ditetapkan dalam undang-undang dan Perlembagaan Persekutuan yang hendaklah dikaji dan diputuskan."

[Kementerian Dalam Negeri]

19. PR-022-U18679

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan dan menetapkan terhadap keraguan dalam Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa apa-apa pindaan kepada Perkara 159 hendaklah tertakluk kepada Perkara 161E untuk menjamin perlindungan kedudukan Perlembagaan Sabah dan Sarawak dengan memperuntukkan bahawa persetujuan Tuan Yang Dipertua Negeri Sabah hendaklah diperolehi untuk pindaan kepada perlembagaan yang menyentuh Perjanjian 20 Perkara seperti:(a) Kewarganegaraan (b) Keanggotaan dan bidang kuasa Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak(c) Perkara di bawah kuasa perundangan Badan Perundangan Negeri"

[Perdana Menteri]

20. PR-022-U18680

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mempertimbangkan dengan seriusnya mengenai kadar kemiskinan yang melanda negeri Sabah. Apakah sebenarnya sebab-sebab kadar kemiskinan di negeri ini masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan negeri-negeri di Semenanjung, contohnya pada tahun 2007 kadar kemiskinan di Kelantan 7.2% sedangkan Sabah 16%. Keprihatinan mengenai kedudukan kemiskinan di Sabah haruslah diberi

tumpuan yang khusus demi untuk memartabatkan rakyat Malaysia mendapat layanan dan perhatian yang sama tanpa mengira suku kaum, kebudayaan dan agama."

[Perdana Menteri]

21. PR-022-U18752

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan Persekutuan supaya mencari satu jalan untuk menyeragamkan segala undang-undang memeluk agama kerana keputusan Jemaah Menteri baru-baru ini langsung tidak efektif dan tidak dapat dikuatkuasakan."

[Perdana Menteri]

22. PR-022-U18458

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia untuk membawa resolusi mengecam dan memutuskan hubungan diplomatik dengan Kerajaan Sri Lanka di mesyuarat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di atas kezaliman Kerajaan tersebut dalam pembunuhan orang awam Tamil beramai-ramai di Utara-Timur Sri Lanka."

[Kementerian Luar Negeri]

23. PR-022-U18462

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum iaitu Kerajaan Persekutuan tidak mengambil langkah-langkah yang wajar bagi memastikan penerapan lebih banyak calon-calon dari masyarakat India dalam sektor perkhidmatan awam. Dewan ini meminta Kerajaan Persekutuan untuk memberi perhatian dalam isu ini agar pengambilan kakitangan ke dalam sektor perkhidmatan awam mengimbangi kaum, jantina dan merit."

[Perdana Menteri]

24. PR-022-U18464
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum iaitu kebanyakan Sekolah-Sekolah Tamil di Negara berada dalam keadaan yang serba kekurangan sehingga mendatangkan kesan negatif kepada para pelajar. Dewan ini meminta Kerajaan Persekutuan supaya memberi perhatian khusus terhadap pembinaan Sekolah-Sekolah Tamil yang baru dan menaik taraf Sekolah-Sekolah Tamil yang sedia ada di mana perkara ini akan menyediakan suasana pembelajaran yang selamat dan selesa kepada pelajar."

[Kementerian Pelajaran]

25. PR-022-U20067
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi RM100 juta oleh MINDEF, mesti dibentangkan di Parlimen dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara supaya dijadikan sebagai syarat meneruskan pembelian ini. Ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan integriti dan keberkesanan pembelian sistem pertahanan. Ini adalah diakibatkan oleh pembelian Jet Sukhoi dan Kapal Selam Scorpene telah menimbulkan banyak persepsi negatif terhadap negara."

[Kementerian Pertahanan]

26. PR-022-U20167
Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan agar Kerajaan Pusat melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyegerakan proses penstrukturan semula air di seluruh negara agar pengurusan rawatan dan pengagihan air dikembalikan kepada pihak Kerajaan negeri bagi keefisyenan serta membela kepentingan rakyat dan pengguna, khususnya bagi negeri Selangor yang telah tergendala proses ini akibat sikap dingin pihak Kementerian dalam membuat keputusan yang wajar, tegas dan muktamad."

[Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air]

27. PR-022-U20168

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengingatkan pihak Kabinet supaya jangan membuat keputusan secara tergesa-gesa dan perlu lebih berhati-hati dalam membuat keputusan khususnya dalam hal yang membawa implikasi pertentangan Mahkamah Sivil dan Syariah , contohnya dalam kes "agama bersama" atau "common" religion baru-baru ini, sebelum dirujuk pelbagai pihak seperti golongan pemimpin agama-agama termasuk para alim ulama, para pengamal perundangan sivil dan syariah, tokoh-tokoh akademik dan cendekiawan serta pemimpin masyarakat sivil, bagi memitigasi konflik pertentangan agama dan perundangan."

[Perdana Menteri]

28. PR-022-U20169

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini segera membuat ketetapan bagi menangani kemelut pemberian Basiswa Seberang Laut JPA yang setiap tahun berdepan dengan pelbagai pertikaian dengan cara menjadikan sistem penilaian itu satu yang jelas kriterianya (peratus input akademik dan ko-kurikulum) dan telus untuk semua dan dijadikan ia satu isu kategori biasiswa cemerlang untuk seberang laut" serta menetapkan bidang-bidangnya yang lebih menyeluruh bukan sahaja perubatan dan kejuruteraan, tetapi juga kewangan dan ekonomi serta syariat, falsafah dan selainnya bagi benar-benar melahirkan tokoh-tokoh hebat dalam bidang masing-masing. Dewan ini juga perlu menetapkan pelbagai lagi biasiswa lain sama ada yang belajar dalam atau luar negara bagi golongan pelajar lain."

[Perdana Menteri]

29. PR-022-U19220

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasakan Resolusi 62/149 Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap hukuman mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu pada 18 Disember 2007 di mana negara-negara yang masih mengamalkan hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman-hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali.

Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut."

[Perdana Menteri]

30. PR-022-U19225

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menubuhkan sebuah Suruhanjaya Diraja Siasatan Kes Pembunuhan Altantuya Sharibu yang mati dibunuh beberapa tahun lalu. Daripada siasatan dan perbicaraan yang dijalankan, banyak pihak tidak berpuas hati dengan perjalanannya dan diharap agar suruhanjaya ini mampu untuk menjawab pelbagai spekulasi."

[Kementerian Dalam Negeri]

31. PR-022-U0188

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] akan mencadangkan:-

"**BAHAWASANYA** beberapa bulan yang terdekat ini, rakyat mendapati polis telah bertindak secara tidak bertanggungjawab, secara sewenang-wenangnya melanggar undang-undang dan pilih kasih (double standard) dalam tindakan-tindakan mereka.

Antara tindakan-tindakan mereka yang mempunyai unsur-unsur di atas adalah seperti berikut :-

1. Menghalang Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Perak daripada memasuki Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak pada 3/3/2009.
2. Mematuhi arahan daripada Setiausaha DUN Perak dan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan bukannya arahan daripada Speaker DUN Perak apabila menghalang ADUN-ADUN Perak daripada memasuki DUN Perak pada 3/3/2009.
3. Pada 29/3/2009, YB Ong Boon Piaw, ADUN dari DAP bagi kawasan DUN Tebing Tinggi, Perak telah ditangkap dan ditahan kerana mengeluarkan DVD rakaman perjalanan persidangan DUN Perak yang berlangsung pada 3/3/2009 tetapi YB Dato' Dr Mah Hang Soon ADUN dari MCA bagi kawasan Chenderiang, Perak tidak ditangkap atau ditahan apabila beliau mengeluarkan insiden persidangan DUN Perak yang berlaku pada 7/5/2009.
4. Pada 5/5/2009, aktivis dan ahli akademik, Wong Chin Huat telah ditangkap selepas menyeru rakyat Malaysia berpakaian hitam.

5. Pada 6/5/2009, 14 orang individu termasuk seorang ahli Parlimen ditangkap merana menunjukkan soladiriti bersama Wong Chin Huat di depan balai polis Brickfields, Kuala Lumpur.
6. Pada 7 Mei juga, 15 orang individu dan 5 peguam ditangkap kerana menunjukkan solidariti bersama Wong Chin Huat di depan balai polis Brickfields, Kuala Lumpur.
7. Pada 7/5/2009, 69 orang individu termasuk ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri telah ditangkap dan ditahan semasa minum dan makan di restoran, sedang berjalan kaki atau pakai pakaian warna hitam di kawasan Ipoh, Perak. Kegiatan-kegiatan ini langsung tidak melanggar mana-mana peruntukan undang-undang.
8. Pihak polis mencero bohi DUN Perak pada 7/5/2009 dan secara paksa mengheret keluar YB V. Sivakumar, Speaker DUN Perak daripada DUN Perak dan mengurung beliau dalam sebuah bilik.
9. Sewenang-wenangnya tidak membenarkan rakaman insiden DUN Perak yang berlaku pada 7/5/2009 ditayangkan dalam Majlis Makan Malam DAP di Sitiawan, Perak pada 9/5/2009 dan secara ganas dan berkelakuan samseng memberhentikan jamuan makan malam tersebut dan merampas alat-alat audio video yang digunakan untuk tayangan rakaman tersebut tetapi apabila pihak MCA menayangkan insiden 7/5/2009 tersebut di jamuan Makan Malam MCA di Ipoh pada 17/5/2009 mereka dibenarkan berbuat demikian.
10. Pada 26/5/2009 jam lebih kurang 7.00 pagi, polis telah sewenang-wenangnya menangkap 5 orang pekerja yang sedang membuat persiapan memasang belon untuk pelancaran mogok lapar di bangunan DAP Perak dan alasan yang diberikan oleh Ketua Polis Negeri Perak ialah kerana perkataan 'Daulat Tuanku' atas belon tersebut merupakan satu kesalahan di bawah Akta Hasutan 1948.
11. Polis bertindak tidak membenarkan orang ramai secara aman berkumpul untuk mengadakan kempen memasang lilin untuk menunjuk solidariti dengan rakyat Perak. Mereka yang berbuat demikian di Kuching, Pulau Pinang, Seputeh & Ampang, Kuala Lumpur telah ditangkap dan ditahan oleh pihak Polis.
12. Pada 26/5/2009, polis tanpa asas yang kukuh dari segi undang-undang telah menangkap 21 orang termasuk seorang Ahli Dewan Rakyat, 7 ADUN Perak.
13. Kedaulatan undang-undang dicabuli oleh pihak polis dan ia seakan-akan tidak ada undang-undang lagi di Malaysia terutamanya negeri Perak.

14. Beberapa laporan polis telah dibuat terhadap tindakan-tindakan salah di atas yang dilakukan oleh pihak polis tetapi tidak ada tindakan yang diambil terhadap anggota-anggota polis yang bersalah.

BAHAWASANYA ramai rakyat sekarang mula memberi gelaran 'Polis, Raja di Malaysia' kepada pasukan polis dan pasukan polis tidak lagi digelar 'Polis DiRaja Malaysia' oleh mereka.

BAHAWASANYA setiap Ahli Dewan Rakyat telah berikrar untuk memelihara, melindungi serta mempertahankan Perlembagaan Malaysia. Tindakan-tindakan salah polis di atas telah melanggar Perkara-perkara 5 (kebebasan diri), 8 (sama rata), 9 (kebebasan bergerak) dan 10 (kebebasan bercakap, berhimpun dan persatuan) Perlembagaan Persekutuan.

MAKA untuk memulihkan kepercayaan orang ramai kepada institusi polis dan juga untuk memastikan keadaan yang tersebut di atas diperbetulkan dan tidak berlarutan, saya ingin mengusulkan Dewan yang mulia ini untuk membuat satu ketetapan bahawa Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa bin Hassan dipecat dari jawatannya dengan serta-merta.

[Kementerian Dalam Negeri]

32. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan). 'Islam adalah agama bagi persekutuan **termasuk dari segi undang-undang dan syariatnya**'

[Perdana Menteri]

33. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 4 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan). 'Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan, **kecuali undang-undang dan syariat Islam**, apa-apa undang-undang yang diluluskan berlawanan dengan **Perlembagaan ini dan undang-undang Islam atau hukum syara**' hendaklah terbatal setakat ianya berlawanan itu.'

[Perdana Menteri]

34. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 11 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan)

‘Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan ugamanya, termasuk menukar agamanya bagi penganut agama Islam yang hendaklah tertakluk kepada undang-undang dan syariat Islam. Bagi maksud penganut agama Islam, soal kemasukan dan kemurtadan dari agama Islam hendaklah ditentukan oleh Mahkamah Syariah yang mempunyai bidang kuasa mutlak ke atasnya’

[Perdana Menteri]

35. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan mengambil langkah supaya Jadual 9 senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan membuang perkataan seperti berikut :-

‘...tetapi tidak mempunyai bidangkuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan...’ dan diganti dengan perkataan berikut ;

‘dan mempunyai bidangkuasa mengenai apa-apa jua kesalahan jenayah syarie dan lain-lain yang ditetapkan atau diperuntukkan di dalam hukum syara’ dan undang-undang Islam termasuk membicarakan, memutuskan dan menghukum mana-mana orang Islam yang berkenaan menurut sabitan dan hukuman yang ditetapkan oleh hukum syara’ dan undang-undang Islam’.

Dan Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 hendaklah dipinda bersesuaian dengan pindaan kepada Jadual 9 Senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan seperti yang dinyatakan di atas”.

[Perdana Menteri]

36. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan menguatkuasakan keputusan Majlis Fatwa kebangsaan pada 08hb.Oktober 1987 dan mengambil langkah memansuh dan menghapuskan semua amalan dan upacara bertafakur yang diadakan di hadapan Tugu Negara dan semua langkah yang berkesan dan efektif

diambil agar anggota tentera, polis dan lain-lain orang yang beragama Islam tidak dipaksa dan/ atau diarah melakukan upacara dan amalan kawad hormat dan/ atau bertafakur di hadapan Tugu Negara yang telah difatwakan sebagai syirik’.

37. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama semua Kerajaan Negeri supaya melantik seorang Mufti Negara sebagai Ketua bagi dan dengan kuasa dan otoriti mengatasi kesemua Mufti-mufti dan menjadi Pengerusi bagi Majlis Fatwa Kebangsaan dan tanggungjawab dan menjawab hanya kepada Yang DiPertuan Agong dan Majlis Raja-Raja”.

38. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan masalah Palestin dan menamakan badan ini sebagai ‘**Jawatankuasa Caucus bagi Palestin**’ dengan melantik YB Kepala Batas sebagai Pengerusi Caucus tersebut”.

39. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa Caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan hal ehwal Islam dalam negara ini dengan tujuan untuk memartabatkan, memperkukuhkan dan mempertahankan hal ehwal Islam dan menamakan badan ini sebagai ‘**Jawatankuasa Caucus bagi Hal Ehwal Islam**’ dengan melantik YB Kepala Batas sebagai Pengerusi Caucus tersebut”.

[Perdana Menteri]

40. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Caucus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan hal ehwal masyarakat India dengan tujuan untuk memantapkan kedudukan ekonomi mereka dan menyelesaikan permasalahan kewarganegaraan dan kad pengenalan mereka dan dinamakan sebagai **Jawatankuasa Caucus bagi Hal Ehwal Masyarakat India**”.

[Perdana Menteri]

41. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pelajaran supaya dengan serta-merta memansuhkan pengajian mata pelajaran Sains & Matematik dalam Bahasa Inggeris dan menggantikan ia dengan menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengajian mata pelajaran tersebut”.

[Kementerian Pelajaran]

42. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan supaya mengambil langkah menyiarkan dan mewajibkan siaran azan pada tiap-tiap waktu solat fardu yang lima di kesemua tempat awam tanpa sebarang sekatan dan/ atau halangan’.

[Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan]

43. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri mengambil langkah supaya kesemua banduan dan tahanan yang disabit dan dikenakan hukuman penjara sepanjang hayat hendaklah dikurangkan hukuman penjara tidak melebihi 20 (dua puluh tahun) dan bagi yang telah menjalani hukuman melebihi jumlah 20 tahun tersebut (setelah ditolak cuti dan kelakuan baik) hendaklah dibebaskan dengan serta-merta”.

[Kementerian Dalam Negeri]

44. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini menganbil langkah mendesak Menteri Pengangkutan supaya mengarahkan dan/ atau mengenakan syarat kepada syarikat penerbangan Malaysia Airline, Air Asia atau mana-mana syarikat penerbangan dalam negeri ini supaya membenarkan kakitangan wanitanya terutamanya pramugari memakai pakaian / uniform yang mematuhi hukum syara’ sebagaimana syarikat penerbangan antarabangsa lain seperti Emirates Airways, Saudi Airlines, Royal Brunei Airline dan lain-laian”.

[Kementerian Pengangkutan]

45. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Pengangkutan melarang dan/ atau mengenakan syarat kepada syarikat Penerbangan Malaysia supaya menghentikan penjualan arak dan lain-lain minuman keras dan yang memabukkan semasa di dalam penerbangan sebagaimana yang telah pun dilaksanakan oleh banyak syarikat penerbangan antarabangsa lain seperti Saudi Air, Emirate Airways, Brunei Airline dan lain-lain.

[Kementerian Pengangkutan]

46. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna melarang dan/ atau mengenakan syarat kepada syarikat perniagaan runcit Seven-Eleven (7-11) dilarang sama sekali daripada menjual arak dan/atau apa-apa minuman keras dan yang memabukkan serta sebarang bentuk kondom dipremisnya”.

[Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna]

47. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri supaya dengan segera mengambil langkah membebaskan semua tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri yang ditahan kononnya atas dakwaan terlibat dalam kegiatan militant Islam seperti Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM), Jemaah Islam Malaysia (JI), Kumpulan Al Maunah dan lain-lain termasuk Mas Selamat dan jika pihak keselamatan mempunyai apa-apa bukti dan keterangan terhadap mereka hendaklah mereka dengan segera dibawa ke hadapan sebuah Mahkamah yang berbidang kuasa untuk membicarakan mereka tanpa sebarang kelengahan lagi”.

[Kementerian Dalam Negeri]

48. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya mengkaji dan melaksanakan projek membesarkan dan membaik pulih Masjid Jame' Bandar Raya Kuala Lumpur termasuk membina mihrab dan mimbar baru yang bersesuaian, menurap keseluruhan tapak masjid tersebut dengan marmar sebagaimana yang dibuat di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi serta

memperkukuhkan bumbung Masjid tersebut agar dapat menampung jemaah untuk mengerjakan Solat terutamanya solat Jumaat dan kedua Eidulfitri & Eiduladha memandangkan pertambahan jemaah yang semakin meningkat mutakhir ini”.

[Perdana Menteri]

49. PR-022-U18752

Tuan Zulkifli Bin Noordin (Kulim Bandar Bharu) akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya membatalkan dan/atau menarik balik arahan supaya kes-kes penceraian pasangan bukan Islam yang salah seorang dari mereka memilih untuk memeluk Islam dibicarakan di Mahkamah sivil; atau kes-kes anak-anak bawah umur yang di Islamkan oleh ibu, bapa atau penjaga mereka (yang asalnya bukan Islam) yang kemudiannya memilih memeluk Islam dibicarakan di Mahkamah sivil.

Bahawa Dewan ini juga mengambil ketetapan mencadangkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya membatalkan dan / atau menarik balik arahan supaya dasar “common religion” (dengan izin) yang hendak diterima pakai bagi kes-kes kanak-kanak di bawah umur 18 tahun dimana semua kanak-kanak dibawah 18 tahun dianggap menganut agama ibu-bapanya semasa dilahirkan sedangkan dasar “common religion” ini bercanggah dengan hukum syara’ dan perundangan negara seperti berikut:

- i. kerana secara langsung menyebabkan ibu, bapa atau penjaga (yang bukan Islam) dan memilih untuk memeluk Islam akan kehilangan hak penjagaan anak tersebut; sekaligus membantutkan usaha da’wah Islam kerana bukan Islam akan menjadi ragu-ragu untuk memeluk Islam kerana khuatir kehilangan anak;
- ii. dalam keadaan kedua ibu-bapa kanak-kanak (yang asalnya bukan Islam) memilih untuk memeluk Islam maka dasar “common religion” tersebut akan menyebabkan kanak-kanak itu kekal dalam agama asal ibu bapanya dan oleh itu mendedahkan kanak-kanak itu menjadi perebutan untuk penjagaan oleh mana-mana pihak ketiga yang bukan Islam;
- iii. sedangkan hukum syara’ menetapkan bahawa dalam keadaan mana-mana salah seorang ibu-bapanya memeluk Islam maka kanak-kanak dibawah umur aqil baligh itu hendaklah dianggap Islam.

- iv. Dalam kes *Nedunchelian v. Nur Safiqah* [2005] 2 AMR 711, Mahkamah Tinggi sivil telah memutuskan bahawa menurut hukum syara' berdasarkan fahaman mazhab syafi'e (yang dianuti majority umat Islam di Malaysia) bahawa apabila salah seorang ibu atau bapa seseorang kanak-kanak itu memeluk agama Islam, maka secara automatik anak-anak itu juga dianggap Islam, tanpa perlu kepada formaliti atau persijilan pemelukan kepada agama Islam.
- v. Mahkamah Rayuan didalam kes *Subashini* [2007] 2 AMR 540 telah memutuskan bahawa isu ini tertakluk kepada Artikel 12 (4) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa "ugama bagi seseorang yang berumur kurang daripada 18 tahun adalah ditetapkan oleh ibu bapa atau penjaganya" dan Mahkamah Rayuan menafsirkan bahawa hak menentukan agama seseorang kanak-kanak bergantung kepada mana-mana salah seorang daripada mereka iaitu ibu, bapa atau penjaga. Bermakna salah seorang daripada mereka berhak untuk menentukan agama yang boleh di anuti oleh anak-anak mereka.
- vi. Keputusan Mahkamah Rayuan ini bersesuaian dengan keputusan Mahkamah Persekutuan didalam kes *Teoh Eng Huat v. MAIK* [1990] MLJ 300.
- vii. Bahawa dasar "common religion" ini hanya berteraskan kepada anggapan bahawa kanak-kanak itu dianggap menganut agama ibu-bapanya semasa dilahirkan, dan tanggapan itu termansuh dengan sendirinya apabila kanak-kanak itu mencapai umur 18 tahun di mana di waktu itu sebagai seseorang yang sudah cukup umur kanak-kanak itu mempunyai hak untuk menentukan agama pilihannya. Sudah tentu dasar seperti ini bercanggah dengan hukum syara' kerana seseorang kanak-kanak Muslim itu dianggap kekal Muslim apabila mencapai umur aqil baligh melainkan diisytiharkan murtad oleh mana-mana Hakim syarie yang melaksanakan undang-undang Islam.
- viii. Dasar ini juga akan menyebabkan pasangan yang memeluk Islam itu terikat kepada sistem perundangan yang bukan Islam dan ini bercanggah sama sekali dengan hukun syara dan juga Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan yang menjamin dan kebebasan mana-mana warganegara menganut dan mengamal agama pilihannya, bermakna apabila beliau memilih Islam maka beliau berhak untuk dibicarakan di Mahkamah Syariah menurut undang-undang munakahat Islam;

- ix. Dasar yang diputuskan oleh kabinet termasuk mengarahkan kes-kes seumpama di atas dibicarakan di Mahkamah Sivil dan melaksanakan dasar "common religion" akan menyebabkan kepada percanggahan dengan hukum syara, bercanggah dengan Artikel 11, Artikel 12, Artikel 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan dan bercanggah dengan keputusan-keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Persekutuan dan lain-lain.

(Perdana Menteri)

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2009</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.37	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia Bagi Tahun 2008.	29 Jun 2009
ST.38	Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2008	29 Jun 2009
ST.39	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Semenanjung, Sabah dan Sarawak Bagi Tahun 2008.	29 Jun 2009
ST.53	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) Bagi Tahun 2008.	29 Jun 2009

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

TARIKH UCAPAN DIBUAT	AHLI YANG BERUCAP	TAJUK UCAPAN	MENTERI YANG BERTANGGUNGJAWAB
1. 29.6.2009 (Isnin)	1. Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)	1. Masalah Badan Pengurusan Bersama (JMB) di pangsapuri dan cadangan pindaan terhadapnya	1. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
2. 29.6.2009 (Isnin)	2. Tuan Er Teck Hwa (Bakri)	2. Projek Petrokimia dan Industri Maritim di Sungai Pulai	2. Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar